

SABAH, MALAYSIA

# Warta Kerajaan

*Diterbitkan dengan kuasa*

---

Jil. LXVI]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 14 JULAI 2011

[No. 27]

---

**Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.**

**DATUK HAJI SUKARTI BIN WAKIMAN,**  
*Setiausaha Kerajaan Negeri.*

---

No. 539

[No. DUNS: (S) 100-52/12 (54)]

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
PERISYTIHARAN

BAHAWASANYA Fasal (1) Artikel 21 Perlumbaan Negeri Sabah memperuntukkan bahawa Yang di-Pertua Negeri Sabah boleh dari semasa ke semasa memanggil Dewan Undangan Negeri bersidang.


OLEH HAL YANG DEMIKIAN, MAKA SAYA, TUN DATUK SERI PANGLIMA HAJI JUHAR HAJI MAHIRUDDIN, Seri Maharaja Mangku Negara, Seri Panglima Darjah Kinabalu, Panglima Gemilang Darjah Kinabalu, Panglima Jasa Negara, Ahli Setia Darjah Kinabalu, Jaksa Pendamai, Yang di-Pertua Negeri Sabah adalah dengan ini memanggil Dewan Undangan Negeri Sabah supaya bersidang dan MENETAPKAN 22 dan 23 Ogos 2011 pada jam sepuluh pagi sebagai tarikh dan masa bagi mengadakan Mesyuarat KEDUA dalam Penggal KEEMPAT Dewan Undangan Negeri Sabah Yang Ketiga Belas bertempat di Dewan Mesyuarat, Aras 4, Bangunan Dewan Undangan Negeri Sabah.

DIKELUARKAN dengan tandatangan saya dan Mohor Kerajaan Negeri Sabah pada hari ini 28 haribulan Jun 2011.

TUN DATUK SERI PANGLIMA HAJI JUHAR HAJI MAHIRUDDIN,  
*Yang di-Pertua Negeri Sabah.*

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN,  
*Ketua Menteri Sabah.*



**No. 540**

[No. SPANS: KP. 29/J52/25]

**KENAIKAN PANGKAT**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat secara hakiki Encik Mursidi @ Dinin bin Sapi ke jawatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Gred J52 mulai 24 Mac 2011.

---

**No. 541**

[No. SPANS: P. 034708]

**PELANTIKAN SECARA PEMBAHARUAN KONTRAK**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan secara pembaharuan kontrak bagi Encik David Cham Yun Yin ke jawatan Jurutera, Gred J48 mulai 1 Februari 2011 hingga 31 Disember 2012.

[No. SPANS: P. 034708]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan secara pembaharuan kontrak bagi Encik Lim Yu Lai @ Brian ke jawatan Jurutera, Gred J48 mulai 1 Februari 2011 hingga 31 Disember 2012.

[No. SPANS: P. 034708]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan secara pembaharuan kontrak bagi Encik Ting Choon Tet @ Ting Cheng Tet ke jawatan Jurutera, Gred J48 mulai 1 Februari 2011 hingga 31 Disember 2012.

[No. SPANS: P. 034708]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan secara pembaharuan kontrak bagi Encik Lee Tain Sang @ Philip ke jawatan Jurutera, Gred J48 mulai 1 Februari 2011 hingga 31 Disember 2012.

[No. SPANS: P. 034708]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan secara pembaharuan kontrak bagi Encik Ho Nyuk Kong @ John Ho ke jawatan Jurutera, Gred J48 mulai 1 Februari 2011 hingga 31 Disember 2012.

[No. SPANS: P. 034708]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan secara pembaharuan kontrak bagi Encik Julas Joenal ke jawatan Jurutera, Gred J48 mulai 2 Februari 2011 hingga 31 Disember 2012.

[No. SPANS: P. 034708]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan secara pembaharuan kontrak bagi Encik Chung Cho Sem ke jawatan Jurutera, Gred J48 mulai 9 Februari 2011 hingga 31 Disember 2012.

---

---

**No. 542****[No. SPANS: P. 000432 Klt. III****PELANTIKAN MENANGGUNG KERJA**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah melantik Encik Ag. Kahar bin Ampuan Mail @ Ampuan Ismail untuk menanggung kerja jawatan Pegawai Tadbir, Gred N41 mulai 8 Januari 2010 hingga 7 Julai 2010 dan 9 Julai 2010 hingga 3 Oktober 2010. Pelantikan menanggung kerja ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

**[No. SPANS: P. 005295 Vol. II**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah melantik Encik Mohd. Ishak bin Abdul Malek untuk menanggung kerja jawatan Juruaudit, Gred W48 mulai 11 Januari 2010 hingga 10 Julai 2010. Pelantikan menanggung kerja ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

**[No. SPANS: P. 029021**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah melantik Puan Haryati binti Karim untuk menanggung kerja jawatan Pegawai Pertanian, Gred G41 mulai 1 Februari 2010 hingga 30 Julai 2010. Pelantikan menanggung kerja ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

**[No. SPANS: P. 0010538 Klt. II**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah melantik Encik Guntaba bin Kilong @ James Guntaba bin Kilong untuk menanggung kerja jawatan Pegawai Tadbir, Gred N48 mulai 2 Ogos 2010 hingga 27 Ogos 2010. Pelantikan menanggung kerja ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

**[No. SPANS: P. 014550 Klt. II**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah melantik Encik Ismail bin Ahmad untuk menanggung kerja jawatan Jurutera, Gred J54 mulai 9 Oktober 2010 hingga 9 Januari 2011. Pelantikan menanggung kerja ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

**[No. SPANS: P. 018127 Klt. II**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah melantik Puan June Mijol @ Joan untuk menanggung kerja jawatan Akauntan, Gred W41 mulai 11 Oktober 2010 hingga 10 Disember 2010. Pelantikan menanggung kerja ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

**[No. SPANS: P. 026013**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah melantik Encik Tinus bin Manggam untuk menanggung kerja jawatan Pemelihara Hutan, Gred G48 mulai 15 Oktober 2010 hingga 6 Disember 2010. Pelantikan menanggung kerja ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

**PELANTIKAN MENANGGUNG KERJA - (*samb.*)**

[No. SPANS: P. 004276]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah melantik Encik Dungin @ Raymond bin Salagad @ Salagan untuk menanggung kerja jawatan Jurutera (Mekanikal), Gred J52 mulai 8 November 2010 hingga 20 Disember 2010. Pelantikan menanggung kerja ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

[No. SPANS: P. 009421 Klt. II]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah melantik Encik Ahmad Suhaini bin Yacob untuk menanggung kerja jawatan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Gred Utama C, Gred VU7 mulai 27 Disember 2010 hingga 6 Februari 2011. Pelantikan menanggung kerja ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

---

**No. 543**

[No. SPANS: P. 034708]

**PENYERAPAN KE JAWATAN TETAP**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan penyerapan ke jawatan tetap bagi Encik Mohd. Shahrilnizam bin Aliakbar ke jawatan Pegawai Laut, Gred A41 secara percubaan selama satu hingga tiga (1 - 3) tahun mulai 9 Disember 2010.

[No. SPANS: P. 034708]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan penyerapan ke jawatan tetap bagi Encik Mohammad Hisham bin Yayah ke jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam, Gred S41 secara percubaan selama satu hingga tiga (1 - 3) tahun mulai 24 Mac 2011.

---

**No. 544**

[No. JKM. PHB. 600-2/1/345 (24)]

**ORDINAN PENGAMBILAN TANAH**

Bab 69

**ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5**

Bahwasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa mana-mana tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 427/2011 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan Bab 69 kepadaanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu bagi Naik Taraf Jalan Lingkudau Lama - Kituntul, Ranau.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 18 Mei 2011.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,  
*Ketua Menteri Sabah.*

[No. JKM. PHB. 600-2/1/345 (24)

THE LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that the land referred to in *Gazette* Notification No. 427/2011 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in Cap. 69 exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, for the Upgrading of Old Lingkudau - Kituntul Road, Ranau.

Dated at Kota Kinabalu, this 18th day of May, 2011.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,  
*Chief Minister of Sabah.*

No. 545

[No. JKM. PHB. 600-2/2/77 (19)

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahwasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa mana-mana tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 428/2011 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan Bab 69 kepadaannya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu untuk Pembinaan Saluran Bandar Kota Kinabalu (Basin 18G), iaitu, untuk Penambahbaikan Perparitan di Taman Sahabat (Fasa II), Penampang.

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH - (*samb.*)

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 18 Mei 2011.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,  
*Ketua Menteri Sabah.*

[No. JKM. PHB. 600-2/2/77 (19)

## THE LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

## DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that the land referred to in *Gazette* Notification No. 428/2011 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in Cap. 69 exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, for the Construction of the Kota Kinabalu Town Channel (Basin 18G), for the Drainage Improvement at Taman Sahabat (Phase II), Penampang.

Dated at Kota Kinabalu, this 18th day of May, 2011.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,  
*Chief Minister of Sabah.*

No. 546

[No. JKM. PHB. 600-2/2/78 (20)

## ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

## ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 429/2011 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Bab 69 seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu untuk Pembinaan Saluran Bandar Kota Kinabalu - Kerja-Kerja Pembinaan Perparitan di Kampung Tebodon, Kota Kinabalu Fasa 1.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 18 Mei 2011.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,  
*Ketua Menteri Sabah.*

[No. JKM. PHB. 600-2/2/78 (20)

THE LAND ACQUISITION ORDINANCE  
Cap. 69  
DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that the land referred to in *Gazette* Notification No. 429/2011 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in Cap. 69 exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, for the Construction of the Kota Kinabalu City Channel - Drainage Improvement Works at Kampung Tebobon, Kota Kinabalu Phase 1.

Dated at Kota Kinabalu, this 18th day of May, 2011.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,  
*Chief Minister of Sabah.*

No. 547

[No. JKM. PHB. 600-2/3/86 (15)

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahwasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 430/2011 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Bab 69 seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu untuk Projek Loji Air Apas Balung, Tawau, Sabah (Fasa II) untuk Takungan Air R2, Tawau.

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH - (*samb.*)

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 18 Mei 2011.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

**DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,  
*Ketua Menteri Sabah.***

[No. JKM. PHB. 600-2/3/86 (15)

## THE LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

## DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that the land referred to in *Gazette* Notification No. 430/2011 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Cap. 69 Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, the Construction of Reservoir No. 2 for the Apas Balung Water Treatment Project (Phase II), Tawau.

Dated at Kota Kinabalu, this 18th day of May, 2011.

By His Excellency's Command,

**DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,  
*Chief Minister of Sabah.***

**No. 548**

[No. JKM. PHB. 600-2/4/0/67 (23)

## ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

## ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahwasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 431/2011 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Bab 69 seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu untuk Pembinaan Sekolah SMK Petagas, Putatan (Penampang).

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 18 Mei 2011.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,  
*Ketua Menteri Sabah.*

[No. JKM. PHB. 600-2/4/0/67 (23)

THE LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that the land referred to in *Gazette* Notification No. 431/2011 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Cap. 69 Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, the Construction of SMK Petagas, Putatan (Penampang).

Dated at Kota Kinabalu, this 18th day of May, 2011.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,  
*Chief Minister of Sabah.*

---

No. 549

[No. DBKK: (BHU) 900-1/3

ORDINAN PERANCANG BANDAR DAN DESA 1950

(Sabah Bab 141)

NOTIS PENYERTAAN AWAM (BANTAHAN) DERAFF SKIM  
DI BAWAH SEKSYEN 7 (1)

DERAFF PELAN TEMPATAN KOTA KINABALU 2020

NO PELAN: DBKK/KKLP/01/2010-2020

- PLAN No. DBKK/KKLP/01/2010-20/NR
- PLAN No. DBKK/KKLP/01/2010-20/SR

Notis pemberitahuan kepada orang awam bahawa Pemeriksaan Penyertaan Awam Deraff Sabah Skim yang dikenali sebagai "Deraff Pelan Tempatan Kota Kinabalu 2020" telah Bab 141 diberikan melalui *Gazette* G.N. 249 bertarikh 25 Mac 2010, dan disediakan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) berdasarkan peruntukan Ordinan Perancangan Bandar dan Desa.

**ORDINAN PERANCANG BANDAR DAN DESA 1950- (*samb.*)**

Deraf skim ini meliputi kawasan seluas lebih kurang 13,550 hektar (33,483 ekar) seperti yang ditunjukkan dalam Pelan No. DBKK/KKLP/01/2010-2020 (Plan No.: DBKK/KKLP/01/2010-20/NR dan Plan No. DBKK/KKLP/01/2010-20/SR).

Deraf Skim ini akan dibuka kepada pemeriksaan awam pada waktu pejabat untuk tempoh satu (1) bulan hingga maksimum tiga (3) bulan bermula dua (2) minggu dari tarikh notis ini disiarkan.

Deraf Skim ini akan menggantikan semua skim deraf sedia ada dan telah diluluskan yang termasuk dalam kawasan Deraf Skim ini.

Orang perseorangan atau badan awam yang menerima kesan daripada Deraf Skim ini dalam tempoh masa pemeriksaan awam boleh mengemukakan bantahan bertulis kepada Mayor, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu berkenaan Deraf Skim tersebut dengan mengambilkira:-

- (a) asas dan alasan bantahan;
- (b) sekiranya bantahan tersebut dapat disingkirkan melalui pengubahsuaian Deraf Skim, nyatakan cadangan pengubahsuaian; dan
- (c) sekiranya bantahan tersebut dapat dipenuhi melalui pampasan wang tanpa Pengubahsuaian Deraf Skim, nyatakan jumlah pampasan tersebut.

Bantahan bertulis tersebut akan dipertimbangkan dalam satu mesyuarat di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu di mana pembantah akan dinasihatkan sama ada hadir perseorangan atau melalui peguamcara atau melalui agen dan pegawai yang diberikan kuasa.

Bertarikh di Kota Kinabalu pada 30 Jun 2011.

DATUK ABIDIN MADINGKIR,  
*Mayor,*  
*Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.*

[No. DBKK: (BHU) 900-1/3

**THE TOWN AND COUNTRY PLANNING ORDINANCE 1950**

(Sabah Cap. 141)

**NOTIFICATION OF PUBLIC CONSULTATION (OBJECTION) OF A DRAFT SCHEME  
UNDER SECTION 7 (1)**

**DRAFT KOTA KINABALU LOCAL PLAN 2020**

PLAN No.: DBKK/KKLP/01/2010-2020

- PLAN No. DBKK/KKLP/01/2010-20/NR
- PLAN No. DBKK/KKLP/01/2010-20/SR

Notice is hereby given to the public that a Draft Scheme known as "Draft Kota Kinabalu Sabah Local Plan 2020" of which a resolution of intention to prepare was given through Cap. 141 G.N. 249 dated 25th March, 2010 has been prepared by the Kota Kinabalu City Hall (KKCH) in accordance with the requirements of the Town and Country Planning Ordinance.

The draft scheme will cover an area of approximately 13,550 hectares (33,483 acres) as shown in Plan No. DBKK/KKLP/01/2010-2020 (Plan No.: DBKK/KKLP/01/2010-20/NR and Plan No. DBKK/KKLP/01/2010-20/SR).

The draft scheme will be available for public inspection during normal office hours for a period of one (1) month to a maximum three (3) months starting two (2) weeks from the publication of this notice.

This draft scheme shall replace all existing draft and approved schemes applying to the area.

Any person or public body affected by the Draft Scheme may within the above period, send to the Mayor of KKCH, a written statement of objections to anything in the Draft Scheme setting out:-

- (a) the nature and reasons for the objection;
- (b) if the objection would be removed by an alteration of the Draft Scheme, any alteration proposed; and
- (c) if the objection can be satisfied by pecuniary compensation without alteration of the Draft Scheme, the amount of such compensation.

Any such written statement shall be considered at a meeting of KKCH of which the objector shall be advised and which he may attend and be heard in person or by an advocate or duly authorized agent or officer.

Dated at Kota Kinabalu, this 30th day of June, 2011.

DATUK ABIDIN MADINGKIR,  
*Mayor,*  
*Kota Kinabalu City Hall.*

---

**No. 550**

[No. KKT&P: 400-14/1/19/111/(132)

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI  
PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH TAMBUNAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

Penyata Harta dan Tanggungan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran dan Nota Kepada Akaun Majlis Daerah Tambunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Penyata Kewangan ini telah disediakan mengikut asas penerimaan dan pembayaran tunai. Menurut asas ini, hasil dan harta berkaitan diiktiraf semasa diterima dan bukan semasa diperoleh, dan perbelanjaan diiktiraf semasa dibayar dan bukan semasa dilakukan.

3. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian Penyata Kewangan secara keseluruhan.
4. Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan harta dan tanggungan yang berpuncu dari urus niaga tunai bagi Majlis Daerah Tambunan pada 31 Disember 2009, dan hasil serta pembayaran dalam tahun yang berakhir pada tarikh itu mengikut asas tunai.

ISMAIL BIN JAWAHIL,  
*b.p. Ketua Audit Negara,*  
*Malaysia.*

Kota Kinabalu.

Tarikh: 23 April 2010.

**MAJLIS DAERAH TAMBUNAN****PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS DAERAH TAMBUNAN**

Saya, MATHEW SIEFRED GUMPIL, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Tambunan, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Hasil dan Perbelanjaan dan Penyata Harta dan Tanggungan Majlis untuk tahun berakhir 31 Disember 2009, dan nota-nota yang berkenaan, adalah sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya betul dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya dengan mempercayai bahawa ianya benar.

Ditandatangani dan diakui dengan  
sesungguhnya oleh MATHEW  
SIEFRED GUMPIL, di Majlis Daerah  
Tambunan pada 12 Januari 2010.

} MATHEW SIEFRED GUMPIL

Di hadapan saya,

THOMAS ANGOR,  
*Pesuruhjaya Sumpah,*  
*Majistret Kelas Dua, Tambunan.*

**MAJLIS DAERAH TAMBUNAN****PENYATA OLEH PENGERUSI DAN PEGAWAI EKSEKUTIF**

Kami, THOMAS ANGOR dan MATHEW SIEFRED GUMPIL yang merupakan Pengerusi dan Pegawai Eksekutif Majlis, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Harta dan Tanggungan serta Penyata Penerimaan dan Pembayaran yang berikut ini berserta dengan nota-nota berkenaan telah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang sebenar dan saksama berkenaan dengan kedudukan Penyata Kewangan Majlis pada 31 Disember 2009.

Nama: THOMAS ANGOR

Jawatan: Pengerusi

Tarikh: 12 Januari 2010

Nama: MATHEW SIEFRED GUMPIL

Jawatan: Pegawai Eksekutif

Tarikh: 12 Januari 2010

**MAJLIS DAERAH TAMBUNAN**  
**PENYATA HARTA DAN TANGGUNGJANGAN PADA 31 DISEMBER 2009**

<i>Tanggungan</i>	<i>2009</i> RM	<i>2008</i> RM	<i>Harta</i>	<i>2009</i> RM	<i>2008</i> RM
Bantuan-bantuan Khas daripada Kerajaan Persekutuan	... ... ... ...	1,021,020	-	Wang Dalam Bank	...
Pungutan bagi Pihak Agenzi Kerajaan	... ...	23,457	23,457	Pendahuluan Bendahari	...
Akaun Amanah (OSC)	... ... ...	17,425	32,314		50,866
Kumpulan Wang Terkumpul pada 1 Januari 2009	RM281,199	-	281,199		50,866
<i>Tambah:</i> Penerimaan Melebihinya Pembayaran	RM13,755	294,954	-		
				<b>RM1,356,856</b>	<b>RM336,970</b>
				<b>RM1,356,856</b>	<b>RM336,970</b>

THOMAS ANGOR,  
*Pengerusi,*  
*Majlis Daerah Tambunan.*

Bertarikh: 12 Januari 2010.

## MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

## BANTUAN-BANTUAN KHAS DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN

<i>Baki pada 31 Disember 2009</i>	<i>Jenis Bantuan</i>	<i>Baki pada 1 Januari 2009</i>
RM		RM
255,500	Bantuan untuk Menaik Taraf Jalan Hadapan Padang Majlis Daerah Tambunan ... ... ... ...	-
131,330	Bantuan untuk Membina Lorong Pejalan Kaki Pejabat Pemeriksaan JPS ke Kampung Dabata Tambunan ...	-
105,500	Bantuan untuk Membina Lorong Pejalan Kaki Pomotodon ke Simpang Hospital Tambunan... ...	-
192,830	Bantuan untuk Menaik Taraf Jalan di Depan SEDCO Blok B Tambunan ... ... ... ...	-
335,860	Bantuan untuk Menaik Taraf Bangunan Kompleks Majlis Daerah Tambunan ... ... ... ...	-
<hr/> <b>RM1,021,020</b>		<hr/> <b>-</b>

## PUNGUTAN BAGI PIHAK AGENSI KERAJAAN

<i>Baki pada 31 Disember 2009</i>	<i>Jenis Pungutan</i>	<i>Baki pada 1 Januari 2009</i>
RM		RM
-	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ... ... ...	-
-	Pertaruhan Insurance (ETIQA) ... ... ...	-
-	Koperasi Pekerja-Pekerja Kerajaan Berhad (KOPEKS)	-
-	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) ... ...	-
23,457	Kira-kira Lesen Kenderaan ... ... ...	23,457
-	Perbadanan Pinjaman Sabah ... ... ...	-
-	Pinjaman Perumahan ... ... ...	-
-	Biro ANGKASA ... ... ...	-
-	ASNB ... ... ...	-
-	Pinjaman Kenderaan ... ... ...	-
<hr/> <b>RM23,457</b>		<hr/> <b>RM23,457</b>

## BANTUAN-BANTUAN KHAS DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN

<i>Baki pada 31 Disember 2009</i>	<i>Jenis Bantuan</i>	<i>Baki pada 1 Januari 2009</i>
RM		RM
(416)	Bantuan untuk Skim Perkhidmatan Singkat (SPS) ...	-
17,841	Peruntukan bagi Perjawatan Baru Kakitangan Kontrak (OSC)	32,314
<hr/> <b>RM17,425</b>		<hr/> <b>RM32,314</b>

**MAJLIS DAERAH TAMBUNAN**  
**KIRA-KIRA CARUMAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**

	RM		RM
Dibayar dalam Tahun 2009	... ...	<u>157,703</u>	Diterima dalam Tahun 2009
			... ...
			<u>157,703</u>

**KIRA-KIRA PERTARUHAN INSURANS (ETIQQA)**

	RM		RM
Dibayar dalam Tahun 2009	... ...	<u>58,532</u>	Diterima dalam Tahun 2009
			... ...
			<u>58,532</u>

**KIRA-KIRA AKAUN KOPEKS**

	RM		RM
Dibayar dalam Tahun 2009	... ...	<u>380</u>	Diterima dalam Tahun 2009
			... ...
			<u>380</u>

**KIRA-KIRA CARUMAN KUMPULAN WANG PERSARAAN**

	RM		RM
Dibayar dalam Tahun 2009	... ...	<u>23,043</u>	Diterima dalam Tahun 2009
			... ...
			<u>23,043</u>

**KIRA-KIRA LESEN KENDERaan**

	RM		RM
Baki pada 31 Disember 2009	... ...	<u>23,457</u>	Baki pada 1 Januari 2009
			... ...
			<u>23,457</u>

**KIRA-KIRA PENDAHULUAN BENDAHARI**

	RM		RM
Baki pada 1 Januari 2009	... ...	<u>50,866</u>	Baki pada 31 Disember 2009
			... ...
			<u>50,866</u>

## MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

KIRA-KIRA PERBADANAN PINJAMAN SABAH		
	RM	RM
Dibayar dalam Tahun 2009	... ... ...	<u>67,332</u> Diterima dalam Tahun 2009 ... ... ...
		<u>67,332</u>
KIRA-KIRA PINJAMAN PERUMAHAN (PPS)		
	RM	RM
Dibayar dalam Tahun 2009	... ... ...	<u>12,280</u> Diterima dalam Tahun 2009 ... ... ...
		<u>12,280</u>
KIRA-KIRA PUBLIC ISLAMIC BANK		
	RM	RM
Dibayar dalam Tahun 2009	... ... ...	<u>195,078</u> Diterima dalam Tahun 2009 ... ... ...
		<u>195,078</u>
KIRA-KIRA LEMBAGA TABUNG HAJI		
	RM	RM
Dibayar dalam Tahun 2009	... ... ...	<u>1,800</u> Diterima dalam Tahun 2009 ... ... ...
		<u>1,800</u>
KIRA-KIRA BANK RAKYAT/BIRO ANGKASA		
	RM	RM
Dibayar dalam Tahun 2009	... ... ...	<u>7,632</u> Diterima dalam Tahun 2009 ... ... ...
		<u>7,632</u>
KIRA-KIRA BIASISWA		
	RM	RM
Dibayar dalam Tahun 2009	... ... ...	<u>400</u> Diterima dalam Tahun 2009 ... ... ...
		<u>400</u>

## MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

KIRA-KIRA GELA		RM	
Dibayar dalam Tahun 2009	...	...	13,684
			<u>13,684</u>
KIRA-KIRA BANK SIMPANAN NASIONAL		RM	
Dibayar dalam Tahun 2009	...	...	804
			<u>804</u>
KIRA-KIRA TAKAFUL		RM	
Dibayar dalam Tahun 2009	...	...	4,020
			<u>4,020</u>
KIRA-KIRA CUKAI PENDAPATAN		RM	
Dibayar dalam Tahun 2009	...	...	184
			<u>184</u>
KIRA-KIRA AKAUN AMANAH(OSC)		RM	
Dibayar dalam Tahun 2009	...	...	32,865
Baki pada 31 Disember 2009	...	...	17,841
			<u>RM50,706</u>
		RM	
Baki pada 1 Januari 2009	...	...	32,314
Diterima dalam Tahun 2009	...	...	18,392
			<u>RM50,706</u>

## MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

## KIRA-KIRA SKIM PERKHIDMATAN SINGKAT (SPS)

	RM		RM
Dibayar dalam Tahun 2009 ... ... ...	11,177	Diterima dalam Tahun 2009 ... ...	10,761
	<u>RM11,177</u>	Baki pada 31 Disember 2009 ...	416
			<u>RM11,177</u>

## BANTUAN UNTUK MEMBINA PARIT KONKRIT DI TEPI JALAN GIBUN MENGHALA KE SUNGAI TONDULU

	RM		RM
Diterima dalam Tahun 2009 ... ... ...	19,500	Dipindah ke Hasil ... ...	19,500
	<u>19,500</u>		

## BANTUAN UNTUK MENAIK TARAF JAMBATAN KAYU DI HADAPAN SJK(C) YUH MIN TAMBUNAN

	RM		RM
Diterima dalam Tahun 2009 ... ... ...	47,500	Dipindah ke Hasil ... ...	47,500
	<u>47,500</u>		

## BANTUAN UNTUK MENAIK TARAF JALAN HADAPAN PADANG MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

	RM		RM
Diterima dalam Tahun 2009 ... ... ...	255,500	Baki pada 31 Disember 2009 ...	255,500
	<u>255,500</u>		

## BANTUAN UNTUK MEMBINA LORONG PEJALAN KAKI PEJABAT PEMERIKSAAN JPS KE KAMPUNG DABATA TAMBUNAN

	RM		RM
Diterima dalam Tahun 2009 ... ... ...	131,330	Baki pada 31 Disember 2009 ...	131,330
	<u>131,330</u>		

**MAILIS DAERAH TAMBUNAN**  
**BANTUAN UNTUK MENAIK TARAF PARIT DI TEPI HUJUNG GERAI BERKUNCI TAMBUNAN**

	RM		RM
Diterima dalam Tahun 2009 ... ... ... ...	<u>57,205</u>	Dipindah ke Hasil ... ... ... ...	<u>57,205</u>

**BANTUAN UNTUK MEMBINA LORONG PEJALAN KAKI SEPANJANG POMOTODON KE SIMPANG HOSPITAL TAMBUNAN**

	RM		RM
Diterima dalam Tahun 2009 ... ... ... ...	<u>105,500</u>	Baki pada 31 Disember 2009 ... ... ... ...	<u>105,500</u>

**BANTUAN UNTUK MENAIK TARAF JALAN PONDOK BARU PENGUMPULAN SAMPAH KAWASAN PEKAN MAILIS DAERAH TAMBUNAN**

	RM		RM
Diterima dalam Tahun 2009 ... ... ... ...	<u>110,000</u>	Dipindah ke Hasil ... ... ... ...	<u>110,000</u>

**BANTUAN UNTUK MENAIK TARAF JALAN DI DEPAN SEDCO BLOK B TAMBUNAN**

	RM		RM
Diterima dalam Tahun 2009 ... ... ... ...	<u>192,830</u>	Dipindah ke Hasil ... ... ... ...	<u>192,830</u>

**BANTUAN UNTUK MENAIK TARAF BANGUNAN KOMPLEKS MAILIS DAERAH TAMBUNAN**

	RM		RM
Diterima dalam Tahun 2009 ... ... ... ...	<u>335,860</u>	Baki pada 31 Disember 2009 ... ... ... ...	<u>335,860</u>

**BANTUAN UNTUK MEMBEKAL DAN MEMASANG PAGAR JALAN BULATAN KAINGARAN DAN TAMU GROUND MAILIS**

	RM		RM
Diterima dalam Tahun 2009 ... ... ... ...	<u>40,000</u>	Dipindah ke Hasil ... ... ... ...	<u>40,000</u>

**MAJLIS DAERAH TAMBUNAN**  
**PENYATA PENERIMAAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

<i>Pecahan Kepala</i>	<i>Butiran</i>	<i>Anggaran</i>	<i>Sebenar</i>	<i>Lebih Dari Anggaran</i>	<i>Kurang Dari Anggaran</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
					<i>Kurang Dari Anggaran</i>				
<b>HASIL</b>									
1.	Ses Tanah	...	...	...	...	...	15,000	9,033	-
2.	Tunggakan Ses Tanah	...	...	...	...	...	10,000	11,206	1,206
<b>2 - BAYARAN-BAYARAN</b>									
1.	Bayaran Kandang	...	...	...	...	...	1,000	3,590	2,590
2.	Bayaran Tempat Penyembelihan	...	...	...	...	...	-	-	-
3.	Notis Permintaan Bayaran	...	...	...	...	...	50	12	38
4.	Pasar	...	...	...	...	...	27,570	33,705	6,135
5.	Gerai Tamu	...	...	...	...	...	62,400	78,860	16,460
6.	Bayaran Tukang Gunting/Pendandan Rambut	...	...	...	...	...	420	480	60
<b>3 - LESEN</b>									
1.	Kedai Kopi dan Restoran	...	...	...	...	...	3,720	5,000	1,280
